

**Hubungan Kekeluargaan (*Dangansanak*) Puak Dusun di Brunei
dalam Cerita Lipur Lara *Siram* “Awang Nangkat Isi Laut”
*Family Relations (Dangansanak) of the Dusun Tribe in Brunei
in Lara Siram's Fun Story "Awang Ngakt Isi Laut"***

Maslin Bin Haji Jukim
maslin.jukim@ubd.edu.bn

Pengiran Hajah Siti Norainna Binti Pengiran Haji Besar
norainna.besar@ubd.edu.bn

Norhairunissa Radhiah Binti Haji Bini
nissa.radhiah@hotmail.com

Aslynnarita Galis
atirannylsa@hotmail.com

Hajah Asiyah Az-Zahra Binti Haji Ahmad Kumpoh
asiyah.kumpoh@ubd.edu.bn

Universiti Brunei Darussalam
Brunei Darussalam

Received: 30 December 2023; Published: 30 June 2024

Cite this article (APA) as:

Jukim/Jukin, M., & Pengiran Haji Besar, P. H. S. N. (2024). Hubungan Kekeluargaan (*Dangansanak*) Puak Dusun di Brunei dalam Cerita Lipur Lara *Siram* “Awang Nangkat Isi Laut”. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 8 - 22. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/182>

ABSTRAK

Siram merupakan cerita lisan bentuk lipur lara atau *diangdangan* (istilah yang digunakan di Brunei) milik puak Dusun di Brunei. Puak Dusun terkandung sebagai salah sebuah puak yang dimaksudkan sebagai bangsa Melayu di Brunei. Banyak jenis *siram* yang belum diterokai dan diteliti sekalipun dalam perspektif sastera. *Siram* “Awang Nangkat Isi Laut” umpamanya telah lama dirakam di sekitar tahun 1980an tetapi belum dilakukan sebarang proses kajian. Oleh yang demikian, penelitian ini mengangkat *siram* “Awang Nangkat Isi Laut” sebagai bahan perbincangan untuk memperlihatkan fungsi sastera lisan atau tradisi lisan berhubung dengan pengabsahan dan cerminan budaya sesuatu bangsa/masyarakat. Dalam hal ini penelitian berobjektifkan untuk melanjutkan dapatan terdahulu tentang cerminan budaya dan tradisi masyarakat Dusun di Brunei terutamanya dalam hubungan kekeluargaan yang terkandung dalam *siram* ini. Berdasarkan konsep pendekatan persanakan atau *dangansanak*, perbincangan berlegar dalam ruang lingkup sistem mempertahankan kesatuan atau perpaduan (*unity*), keharmonian (*harmony*), dan hubungan kerjasama (*cooperation relationship*) adalah kekunci jaminan keutuhan wujudnya puak Dusun di Brunei. Sesungguhnya puak Dusun di Brunei tegar dalam menjaga dan memelihara kewujudan kelompoknya sekalipun dalam bentuk titipan tradisi lisan, namun mereka juga menyedari tentang cabaran dan hambatan dari zaman ke zaman yang lain.

Kunci Kata: Cerita lisan *Siram*, Dusun, *Dangansanak*, Kewujudan

ABSTRACT

Siram is an oral story in the form of lipur lara or diangdangan (a term used in Brunei). It is believed to belong to the Dusun tribe in Brunei. The Dusun tribes is considered to be the Malays in the Brunei context (Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961). There are many types of siram that have not been studied even in a literary perspective. Siram "Awang Nangkat Isi Laut" for example has been recorded for a long time around the 1980s but no research process has been done yet. Therefore, this article brings forward siram "Awang Nangkat Isi Laut" as a material source of discussion to show the function of oral literature in relation to the validation and reflection of the culture of a nation/society. The objective of the study is to continue the previous view about the reflection of culture and tradition of the Dusun community in Brunei, especially in the family relationships contained in this stream. Based on kinship or dangansanak approach, the discussion bonds within the scope of the system of maintaining unity, harmony, and cooperative relations. Indeed, the Dusun tribes in Brunei are firm in maintaining, defending and strengthening the existence of their group even in the form of oral traditions. However, the Dusun tribes are aware of the challengers and obstacles from one era to another.

Keywords: Siram, Dusun, relatives (Kinship), existency

PENGENALAN

*Diangdangan*¹ atau cerita lipur lara dikenali bukan saja bagi masyarakat Brunei tetapi mereka yang bermastautin di beberapa buah kawasan pesisiran pantai Teluk Brunei. Melalui corong siaran radio di sekitar tahun 1960an dan 1970an, *diangdangan* dapat diikuti penceritaannya sehingga sampai keluar wilayah terutama *Diangdangan Bujang Si Gandam* yang disampaikan oleh pendiangdangan,² Haji Abd Rahman Bin Sudin atau lebih mesra dikenali sebagai Duraman Paya. Kemudian, *Diangdangan Bujang Si Gandam* sekali lagi disiarkan ulang pada sekitar awal tahun 2000an. Hal ini menggigit semula masyarakat Brunei untuk mengikuti kembali ceritanya dan ini juga memberi kesempatan kepada generasi baru ketika itu untuk mengenal dan mengikuti *diangdangan*. Bagi masyarakat Kedayan di Brunei, mereka juga memiliki bentuk cerita dongeng lipur lara ini yang dikenali sebagai *Labai*. *Labai* ini disampaikan hanya oleh golongan wanita tanpa menggunakan alat muzik tradisional seperti yang berlaku dalam persembahan *diangdangan* yang menggunakan dombak sebagai iringan penyampaian cerita. Istimewanya juga, masyarakat Dusun di Brunei memiliki satu bentuk cerita lisan yang sama dengan *diangdangan*. Cerita lisan ini disebut *siram*. Siram bagi masyarakat Dusun di Brunei merupakan penceritaan yang berkaitan dengan kepercayaan *Derato*.³

PERNYATAAN MASALAH

‘Tak akan Melayu hilang di dunia’. Ungkapan Hang Tuah ini masyhur dan menjadi keramat dalam kalangan bangsa Melayu. Ungkapan keramat Hang Tuah ini meliputi secara meluas bangsa Melayu malah serumpunan bangsa Melayu. Ungkapan keramat ini juga memperteguhkan ikatan pertalian saudara sebangsa dan akan terus utuh sampai bila-bila. Oleh yang demikian, generasi sekarang sedaya upaya berusaha untuk mempertahankan kewujudan bangsa Melayu. Upaya itu dilaksanakan daripada pelbagai pihak dan sudut kehidupan. Masyarakat Dusun di Brunei atau lebih mesra disebut puak Dusun yang diangkat secara legal

¹ Keterangan lanjut tentang kedudukan klasifikasi *diangdangan* dalam korpus Kesusasteraan Tradisional Melayu Brunei dalam “*Patuturan: Jati diri dan Akar Budaya Kebruneian*” (Maslin bin Haji Jukim, 2014).

² Pencerita atau tukang cerita yang mahir menyampaikan cerita jenis *diangdangan*.

³ Kepercayaan terhadap tuhan, dewa, dewi, orang kayangan.

sebagai salah sebuah puak yang tergolong sebagai bangsa Melayu.⁴ Puak Dusun di Brunei tidak terkecuali juga berusaha untuk mempertahankan suku etnik mereka dari pelbagai sudut sekalipun mereka menyedari cabaran dan hambatan zaman sekarang ini yang meleluasa. Usaha ini bukan hanya bermula dari terangkatnya puak Dusun ini sebagai salah satu bangsa Melayu tetapi hasrat ini sudah berlaku daripada datuk, nenek, dan moyang mereka pada zaman dahulu. Hal ini dapat dilihat pada amalan sebagai budaya dan tradisi mereka itu dititipkan dalam bentuk naratif umpamanya. Bentuk naratif ini tercipta pada tahap masyarakat ini masih hidup sederhana dan buta huruf. *Siram* salah satu jenis tradisional naratif yang dipercayai terkandungnya amalan kehidupan yang harus diwarisi tersebut. Ini bertepatan dengan pandangan Pudarno Binchin;

...akan tetapi apabila ianya dikaitkan dengan amalan tradisi masyarakat Dusun, jangkauan kesan dan ilmu warisan yang terkandung di dalamnya adalah lebih daripada nilai kreativiti dan hiburan yang disajikannya. Di sebalik naratif-naratif dalam teks-teks *siram ditaan* tersebut ialah tersembunyi sebuah manifestasi kehidupan, sebuah budaya warisan ataupun sebuah amalan tradisi yang telah zaman berzaman dibendung oleh masyarakat Dusun yang kini telah dibekukan dalam sebuah genre warisan yang dipanggil *siram ditaan* tersebut.

(Pudarno Binchin,2016: 159)

Di samping itu, *siram* sebagai hasil dari tradisi lisan masyarakat Dusun di Brunei berkait rapat dengan institusi-institusi sosial mereka bagi memainkan fungsi khusus dalam masyarakat (Pudarno Binchin, 2016: 157). Hal ini menjelaskan tentang ruang peluang untuk melakukan penelitian terhadap tradisi masyarakat puak Dusun di Brunei. Sungguhpun terdapat kajian awal dan terdahulu tentang budaya dan tradisi puak Dusun di Brunei tentang *siram*, tetapi aspek-aspek yang dibincangkan tidak sama dengan penelitian kali ini malahan *siram* yang menjadi bahan penelitian juga berbeza. Oleh yang demikian, penelitian ini mengupas aspek budaya dan tradisi khususnya hubungan kekeluargaan puak Dusun di negara Brunei yang terkandung dalam *siram* "Awang Nangkat Isi Laut" sehingga memperlihatkan keutuhan dan pengekal (melindungi) serta kepentingan kewujudan puak Dusun di Brunei. Aspek persoalan ini terkandung dalam *siram* sebagai karya sastera lisan sesuai dengan fungsi sastera itu sendiri sebagai cerminan budaya sesebuah masyarakat.

OBJEKTIF

Penelitian ini melanjutkan dapatan terdahulu tentang cerminan budaya dan tradisi masyarakat Dusun di Brunei terutamanya dalam hubungan kekeluargaan yang terkandung dalam *siram*. Melalui penelitian ini memberikan ruang tentang salah satu aspek dalam institusi-institusi sosial masyarakat Dusun di Brunei yang terkandung dalam tradisi lisan, *siram*. Oleh yang demikian, objektif penelitian ini adalah untuk memperlihatkan kebijaksanaan setempat puak Dusun memperkukuhkan kewujudan dan kesinambungan komuniti mereka melalui karya sastera lisan (folklor), iaitu *siram*.

BAHAN DAN BATASAN KAJIAN

Bahan penelitian untuk dibincangkan merupakan karya sastera tradisional. Karya sastera tradisional berbentuk lisan yang disebut sebagai sastera lisan. Sastera lisan memiliki dua jenis iaitu sastera lisan bercorak cerita dan bercorak bukan cerita. Cerita lipur lara merupakan salah satu jenis dongeng yang terdapat dalam sastera lisan bercorak cerita. Dalam konteks Brunei, selain *diangdangan* dikategorikan sebagai cerita lipur lara, terdapat lagi jenis cerita lipur lara yang disebut sebagai *siram* bagi masyarakat atau puak Dusun di Brunei. *Siram* yang

⁴ Undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961.

ditumpukan sebagai bahan penelitian ialah “Awang Nangkat Isi Laut” yang disampaikan oleh Sepiling binti Tamarok yang dirakam pada sekitar tahun 1980an yang dipinjamkan pita rakamannya oleh Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. Kemudian, ceritanya ini ditranskripsi, diterjemah dan diringkaskan isi kandungannya oleh Aslynnarita binti Galis.

SOROTAN LITERATUR

Jarang sekali *siram* milik puak Dusun di Brunei ini diteliti dan diperbincangkan. *Siram* hanya terbatas penelitiannya dalam kalangan puak Dusun yang memiliki pencapaian pendidikan berkaitan dan kebetulan bertugas di institusi-institusi yang berkaitan seperti Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan Pusat Sejarah Brunei. Di antara mereka yang disebut sebagai sumber rujukan berhubung dengan tradisi lisan umpamanya *siram* ini ialah Magil Lasak (1989/1990), Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (1989 & 2018) dan Pudarno Binchin (2014, 2018, 2017 & 2002). Selain itu, Chong Ah Fok (1996) membicarakan tentang institusi kekeluargaan puak Dusun berdasarkan pendekatan persanakan, namun penelitian ini berbeza. Penelitian kali ini tidak sama kerana bahan yang difokuskan untuk melihat hubungan kekeluargaan adalah karya sastera lisan, malahan hubungan kekeluargaan bukannya seperti bentuk keluarga, organisasi termasuklah sistem perkahwinan, sistem panggilan atau gelaran, dan sebagainya. Begitu juga dengan permasalahan dan objektif penelitian ini juga berbeza. Penelitian mereka dan sarjana luar sejauh ini tidak pernah membincangkan *siram* “Awang Nangkat Isi Laut” secara khusus tentang hubungan kekeluargaan puak Dusun terpancar dalam karya sastera lisan, iaitu lipur lara. Khalayak terikat dan terbatas untuk mendengar cerita ini sebagai hiburan.

PENDEKATAN PENELITIAN

Banyak aspek institusi-institusi sosial dapat dibincangkan dalam sastera lisan, *siram*. Salah satunya aspek kekeluargaan yang berhubungkait dengan kaedah masyarakat Dusun di Brunei mempertahankan dan memperteguhkan ahli kerabatnya sekaligus tentang kewujudan masyarakat Dusun itu sendiri. Aspek kekeluargaan ini setentunya memperkaitkan tentang persanakan. Persanakan dikenali di Brunei dengan istilah *dangansanak*. Konsep umum persanakan atau *dangansanak*, *refers to the culturally defined relationships between individuals who are commonly thought of as having family ties.*⁵ Hubungan di antara individual-individual yang beranggapan memiliki hubungan kekeluargaan akan lebih jelas dengan keterangan ringkas Victor T. King (2010),

Dalam perkataan yang lebih ringkas persanakan/ kekerabatan adalah berasaskan peraturan yang tertentu mengenai hubungan fizikal antara lelaki dan perempuan untuk melahirkan anak. Selepas itu, anak yang dilahirkan itu dilindungi dan disosialisasikan secara progresif dalam komunitinya, agar boleh mempunyai status dan memainkan peranan generasi yang lebih tua pada akhirnya. Persanakan juga mementingkan kesinambungan dan penerusan kumpulan sosial untuk memastikan kedua-dua mereka yang berumur dan akhirnya mati secara fizikal itu diganti dengan kebudayaan dan sosial oleh generasi muda.⁶

Petikan di atas memperteguh lagi tentang mementingkan persanakan itu adalah pemeliharaan kewujudan yang dinyatakan sebagai kesinambungan dan penerusan sosial. Inilah yang dipercayai terkandung dalam *siram* milik puak Dusun. Analisis adalah sebuah

⁵ Samreen Sagheer. “Kinship: Meaning, Types, Degree, Importance, Descent,” [lineagehttps://www.sociologygroup.com/kinship-meaning-types/](https://www.sociologygroup.com/kinship-meaning-types/), dimuat turun pada 7 April 2022)

⁶ Victor T. King. “Sosiologi Persanakan” http://journalarticle.ukm.my/2016/1/J.Terjemahan_21Dis201008.pdf dimuat turun pada 27 Mei 2023.

analisis deskriptif bersandarkan pendekatan persanakan ini mengutamakan sebuah sistem iaitu mempertahankan kesatuan atau perpaduan (*unity*), keharmonian (*harmony*), dan hubungan kerjasama (*cooperation relationship*) dapat membantu menelaah 'agenda' yang termuat dalam struktur dalaman karya sastera lisan puak Dusun tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

SIRAM

Dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional Brunei, *siram* diletakkan sebagai cerita lipur lara sebaris dengan *diangdangan* (Melayu Brunei) dan *labai* (Kedayan) (Maslin Bin Haji Jukim, 2014). Ciri-ciri *siram* menepati ciri-ciri jenis cerita lipur lara. Sungguhpun begitu, *siram* berkaitan dengan upacara ritual *temarok* puak Dusun. Oleh yang demikian, terdapatnya unsur cerita tentang watak orang kayangan yakni golongan *derato* dan latar bukan di dunia sekalipun gambarnya seperti berada di dunia. Pudarno Binchin menjelaskan *siram* sebagai bentuk cerita terhasil melalui tradisi lisan,

Briefly, siram is a Dusun traditional song. It is performed with the beating of a wooden drum (called dumbak) and sung in a repetitive melodic pattern. The beating of the dumbak dictates the tempo of the siram song. The siram song is normally sung for two basic purposes that define the two types of siram songs: (a) siram sindir (also known as siram nasihat); and (b) siram ditaan. Siram sindir is a siram composition that is sung to criticize a person or group of persons. Siram ditaan is the narration of epic tales about derato, the Dusun gods, which are normally sung to an audience in the form of verses. When siram ditaan is narrated in ordinary Dusun spoken speech, the epic stories are called kata-kata.

(Pudarno Binchin, 2002: 9)

Berbeza dengan pendapat Haji Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong yang rata-rata menyebut *siram* sebagai *basiram*. Namun, baginya *siram* dan *basiram* kedua-duanya dalam penyebutan Bahasa Dusun. Menurutnya lagi, *siram* atau *basiram* adalah hasil sastera lisan berbentuk puisi lama,

Siram atau *basiram* dapatlah dikatakan sebagai puisi lama yang berbentuk syair yang dinyanyikan oleh seorang penyiram atau penyair yang diiringi oleh pukulan dombak (rebana) oleh penyair sendiri atau orang lain dengan memakai sebetuk cincin untuk mengimbangi bunyi pukulan dombak dengan nada suara yang dilafazkan. Alunan suara si penyair akan mengikut rentak irama pukulan rebana yang dimainkan...

(Muhammad Hadi, 2018: 269)

Tentang pembahagian *siram*, Muhammad Hadi juga menjelaskan *siram* terbahagi kepada dua jenis: *siram sindir* dan *siram cerita*. *Siram cerita* ini sama isi dan jalan cerita yang terkandung dalam *diangdangan*. *Siram sindir* pula, kebanyakannya isi cerita atau kandungannya adalah pengajaran dan nasihat yang memang ditujukan khas kepada seseorang yang dikenali oleh si penyiram sama ada hadir atau tidak dalam majlis tersebut (Muhammad Hadi, 2018: 271).

Penjelasan Pudarno Binchin lebih menepati dengan bersandarkan konsep dan ciri-ciri lipur lara yang dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional sebagai bentuk prosa naratif tradisional. Sekalipun, *siram* mengandungi puisi dan disampaikan dengan berlagu ini tidak bermakna untuk meletakkan *siram* sebagai hasil karya bentuk puisi lama. Hal ini berlaku dalam cerita lipur lara dan *diangdangan* yang ceritanya disampaikan secara berlagu dan

mengandung puisi namun puisi yang ada dalam cerita lipur lara dan *diangdangan* tersebut bukannya secara keseluruhan fungsinya hanya ‘penyedap’ dan pada perkara memerikan hal-hal tertentu sahaja. Puisi yang digunakan adalah talibun (Norharunissa Radhiah binti Haji Bini dan Maslin bin Haji Jukim, 2022: 212-231). Penyampaian secara berlagu tidak menjadikannya sebagai bentuk puisi kerana berlagu hanya kaedah persembahan tambahan pula sastera lisan yang berbentuk cerita hanya tergolong dalam bentuk prosa. Untuk mengatakannya sebagai syair pun tidak tepat kerana syair adalah hasil karya sastera bertulis. Rata-rata dikatakan syair muncul di alam Melayu mempunyai kaitannya dengan kedatangan Islam di rantau ini. Kemudian, kegemilangan bangsa Melayu juga berkaitan dengan lahirnya aksara jawi.

Siram “Awang Nangkat Isi Laut”

Di alam Kayangan terdapat sebuah negeri disebut Negeri Laut Sebelah Hari. Negeri Laut Sebelah Hari ini diperintah oleh Awang Nangkat. Awang Nangkat terkenal dengan kebbaikannya. Awang Nangkat mempunyai kakak bernama Dayang Luyang Berkikis. Dayang Sanarangkup, ibu saudara Awang Nangkat yang berada di Balai Amas (istana atau negeri) menginginkan Awang Nangkat menjadi suami kepada anaknya, bernama Dayang Buncu Si Bukit Balai Amas yang masih kecil. Hasrat ini mesti tertunai dan Dayang Sanarangkup berkeras hanya Awang Nangkat sahaja yang menjadi suami anaknya. Hasrat Dayang Sanarangkup ini terdengar kepada Awang Kabuncuan yang juga mempunyai keinginan untuk menjadikan Dayang Buncu sebagai isterinya. Keinginannya ini hanya terpendam dalam hatinya. Walau bagaimanapun, Awang Kabuncuan terpaksa akur menerima ketetapan Dayang Sanarangkup. Apabila tiba masa untuk meminang, secara tradisinya pihak perempuan, Dayang Buncu akan dihantar ke Negeri Laut Sebelah. Agak sukar bagi saudara-saudara sepupu Dayang Sanarangkup memenuhi tradisi menghantar Dayang Buncu ini kerana kebimbangan mereka terhadap gangguan yang bakal dihadapi semasa menuju ke sana. Perjalanan ke Balai Amas, Negeri Laut Sebelah Hari (Hujung Laut) memakan masa 14 hari dan terpaksa melintasi Tanah Rumpai Melintang yang letaknya di antara Negeri Laut Sebelah Hari. Dayang Amas Kekimu Moncoi, sepupu Dayang Buncu menjadi pemandu rombongan tidak berani memberitahu perkara ini kepada Dayang Sanarangkup, kerana bimbang akan menjadi kemarahannya. Akhirnya, Amas Kekimu Moncoi bersetuju dengan syarat meminta pertolongan daripada Awang Kabuncuan. Amas Kekimu Moncoi menjelaskan kepada Awang Kabuncuan bahawa mereka takut berhadapan dengan pusat air (pusaran air). Awang Kabuncuan bersetuju untuk membantu. Sebelum mereka berangkat, Awang Kabuncuan memberikan bata (bekal yang mengandungi pengeras/pesembah). Awang Kabuncuan pun bersiap dengan bata-bataan seperti sirih, kapur, batang gulung (sigup daun) diberikan kepada Amas Kekimu Moncoi untuk dijadikan pengasih dan penunduk kasih ketika berada dan melintas di pusat air.

Pada ketika untuk berangkat, anjung pun disiapkan untuk dinaiki Dayang Buncu. Sebuah batang lanting disediakan sebagai pantaran bagi kemudahan Dayang Buncu menaiki anjung. Awang Kabuncuan pun mengangkat dan menggendong Dayang Buncu di sebelah kirinya dan seorang lagi di sebelah kanannya, Dayang Nilayur (sepupu Dayang Buncu) menuju ke batang lanting untuk naik ke anjung. Awang Kabuncuan meminta mereka untuk memulakan pelayaran terlebih dulu. Dayang Amas Kekimu Moncoi memegang layar dan dayung, Biram pula memegang dayung dan tali kemudi lalu anjung pun bertolak belayar dari batang lanting. Awang Kabuncuan pun balik ke rumah. Awang Kabuncuan bersama-sama dengan rakyatnya mengikut jalan pintas, iaitu jalan Tanjung Muning. Awang Kabuncuan ialah ketua mereka sebagai waris tunggal di Balai Amas dan sejumlah 190 orang dan keluarga Karamunting berjalan kaki melalui tebing laut mengiringi anjung yang sudah belayar. Mereka belayar selama tiga hari dan tiga malam dari Bukit Parai Amas dengan melintasi tiga buah pulau. Setelah tujuh hari dan tujuh malam mereka pun sampai ke Tanah Rumpai Melintang. Seketika mendekati pusat air, Amas Biram menitikkan air mata ketakutan melihat air sudah menyacup ke lantai kemudi. Amas Kekimu Moncoi memberi amaran supaya tali kemudi

jangkan sekali-kali dilepas. Kalau tali kemudi terlepas nescaya anjung mereka akan bergoyang. Semakin anjung dekat dengan pusat air, Amas Kekimu Moncoi merasakan anjung mereka yang diperbuat daripada kayu pohon Jangih tidak lagi kuat bergoyang walaupun dayung mereka patah dan seraung yang rosak. Kemudian, kelihatan muncul dari penutup pusat air Raja Jangkuyuh⁷ yang besar dengan sapitnya sebesar gong gendangan. Lalu, Amas Kekimu Moncoi pun mengambil sirih, kapur dan buah pinang, dan sigup digulung yang disediakan Awang Kabuncuan sebagai bata-bataan. Raja Angkayuh pun dikata-katai kerana menghalang laluan anjung. Raja Angkayuh bertanya tentang pemilik anjung dan niat tujuan mereka. Dayang Buncu Balai Amas bersuara untuk mengakui sebagai pemilik anjung dan tujuannya menuju ke Negeri Laut Sebalah Hari hendak bersuamikan Awang Nangkat. Mendegar jawapan Dayang Buncu, Raja Angkayuh meludah (jampi) Dayang Buncu untuk memberikan berkat kecantikan (kerana niat hendak bersuamikan Awang Nangkat). Anjung pun dilepas, Raja Angkayuh pun kembali semula ke tempat asalnya. Anjung mereka meneruskan pelayaran sehingga sampai mendekati ke pokok kayu Jangi.

Pelayaran mereka semakin hampir ke tempat si Awang Nangkat. Bandar Awang Nangkat ditandai dengan akar yang berjuntai seperti tanduk bercabang sembilan, dan kayu Baringin Siam (Kayu Ara). Pohon Nibong kelihatan seperti pokok piasau dan pinang seperti menjadi pohon Palem Merah. Semua bunga tinggi melangit, tumbuh subur semacam hutan, dan berubah-ubah sehingga mengelirukan (semakin hampir semakin berubah dan menghilang). Tanpa bata-bataan Awang Kabuncuan, semua ini akan mengelirukan mereka umpamanya ayam berkokok seperti bunyi burung dan burung makan dilihat seperti bangkuak. Dengan menggunakan sigup gulung dan asapnya dihembuskan menjadikan penglihatan jelas. Mereka pun mendekati batang lanting dan membuang sauh untuk berlabuh. Kebetulan ketika anjung sampai berlabuh di lanting, Awang Nangkat tidak ada di kediamannya. Awang Nangkat keluar berjalan-jalan di taman bunga. Namun, Awang Nangkat dapat mendengar bunyi anjung yang berlabuh di lanting. Awang Nangkat meninggalkan anak rusanya, Umput Enculom⁸ yang disuruhnya balik sendiri. Awang Nangkat mengemas barangnya untuk pulang ke kediamannya. Di sebalik bunga, Awang Nangkat meninjau ke lanting dan terlihat anjung Dayang Buncu. Awang Nangkat berhasrat untuk menyambut Dayang Buncu.

Apabila Awang Nangkat turun ke anjung, lalu masuk dan mempelawa Dayang Buncu ke kediamannya sambil menyatakan tindakannya tersebut bukannya memaksa. Tambahan pula, mereka tidak akan berkahwin di sana tetapi di Bukit Parai Amas (istana Pulau Dayang Buncu). Lalu, Awang Nangkat menggandung kedua-dua adik Tuan Puteri, si Biram dan si Yuning di sebelah kanan dan kirinya. Dayang Buncu memberitahu adik-adiknya tentang perkahwinan mereka bukan di sana. Setelah tiga hari, Dayang Buncu menyuruh si Yuning balik dahulu ke tempatnya dan Dayang Buncu menyusuli ke Bukit Parai Amas. Di tempat Awang Nangkat, mereka pun mengadakan keraian dengan hidangan yang bermacam-macam termasuklah minuman yang memabukkan. Awang Kabuncuan yang menyusuli anjung Balai Amas meninjau di sebalik bunga keraian yang berlangsung dan mengetahui Dayang Buncu sudah dimiliki (diterima) Awang Nangkat. Mereka pun beredar balik ke tempat asal mereka. Cukup tiga hari tiga malam, Awang Nangkat akan berangkat belayar dan anjungnya sudah tersedia. Barang-barang sudah lengkap dalam anjung termasuklah berian hantaran ke Bukit Parai Amas. Mereka pun belayar, namun di tengah perjalanan Awang Nangkat pun meninggalkan Dayang Buncu yang terus menuju ke Bukit parai Amas. Dayang Buncu bertanya untuk beberapa lama Awang Nangkat akan bepergian. Awang Nangkat tidak pasti kerana dia akan berada lama menetap di sebelah untuk menjemput kakaknya dan keluarganya. Setelah mendapatkan Luyang Berkikis dan ahli keluarganya, Awang Nangkat meneruskan pelayaran ke Bukit Parai Amas tiba-tiba dalam perjalanan di Rumput Malintang terjumpa Awang Kabuncuan. Mereka bersama-sama meneruskan pelayaran untuk menjemput Dayang

⁷ Kadang disebut Jangkayuh.

⁸ Mempunyai dua makna yang berkemungkinan: i) nama anak rusa, ii) anak rusa yang penuh dengan lumpur.

Nayur yang mengambil masa empat belas hari. Tujuh hari kemudian, mereka mengambil pula Yamas Bakuak.

Perjalanan diteruskan dari satu negeri ke satu negeri dan sampailah ke negeri Awang Kabuncuan iaitu, Si Putung Malatus. Awang Kabuncuan pun menghantar Luyang Berkikis bersama Yamas Kakimu Moncoi sebagai penunjuk. Mereka berjalan kaki selama empat belas hari empat belas malam barulah sampai ke Pulau Dayang Buncu. Awang Kabuncuan mengangkat Luyang Berkikis naik ke rumah. Dayang Buncu menjemput Yamas kakimu, Luyang Berkikis, Awang angkat dan Awang Kabuncuan masuk ke dalam. Akan tetapi, Awang Kabuncuan dan Awang Nangkat meminta Dayang Buncu membawa Yamas dan Luyang dan lima orang yang lainnya saja yang masuk. Lalu, Luyang Berkikis diasapi sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan mereka. Dijangkakan 3 hari lagi ahli keluarga Luyang akan datang. Namun, hal ini tidak ada pernah ditanyakan kerana Awang Kabuncuan sendiri berdiam diri. Namun, akhirnya datanglah keluarga Awang Kabuncuan untuk bertanya (merisik) kepada keluarga si Awang Nangkat wakil keluarga Luyang. Awang Nangkat belum dapat memberi kata kepastian kerana dirinya pun belum lagi pasti berkahwin. Selepas berminggu-minggu, akhirnya Awang Kabuncuan menerima perkahwinannya dengan Dayang Luyang Berkikis. Kemudian, Awang Nangkat pun berkahwin dengan Dayang Buncu walaupun mereka semua bersepu. Walau bagaimanapun, mereka mengadakan perkahwinan dan keramaian di negeri Awang Kabuncuan.

Melindungi Dan Mengukuhkan Kewujudan Puak Dusun Di Brunei

Siram “Awang Nangkat Isi Laut” ini hasil tradisi lisan yang memperlihatkan usaha memperteguhkan kewujudan puak Dusun di Brunei. Agenda ini penting bagi mana-mana suku, kaum, puak atau bangsa sekalipun yang berusaha melindungi atau mempertahankan kewujudan mereka. Mereka menyedari kepentingannya dan berusaha sejak awal lagi sekalipun ketika itu kehidupan zaman lampau atau masih pada tahap ujaran lisan sebagai keutamaan komunikasi. Mereka masih buta huruf tetapi kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab keberadaan puak Dusun di Brunei menjadi warisan secara berkesinambungan dan istimewanya dalam bentuk cerita lisan.

Cerita yang terkandung dalam *siram* “Awang Nangkat Isi Laut” memperlihatkan keutuhan hubungan kekeluargaan. Masyarakat Dusun di Brunei amat mementingkan hubungan kekeluargaan yang menjadi amanat untuk disampaikan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Dalam mempertahankan atau menjaga kewujudan puak Dusun di Brunei aspek kesatuan atau perpaduan, keharmonian atau kesejahteraan dan hubungan saling membantu dalam kalangan mereka adalah penting. Aspek-aspek yang dinyatakan ini menjamin kesinambungan dan penerusan sosial puak Dusun di Brunei.

Kesatuan Atau Perpaduan (*Unity*)

Sebagai asas kewujudan dan keberadaan puak Dusun ialah kesatuan atau perpaduan. Kesatuan menjamin keutuhan puak Dusun di Brunei. Usaha ini harus dilaksanakan dengan cara tertentu. Dalam *siram* “Awang Nangkat Isi Laut” ini menggambarkan salah satu pilihan usaha itu yang tergambar melalui tindakan watak dan peristiwa. Peristiwa keinginan atau hasrat watak Dayang Sanarungkup umpamanya. Dayang Sanarungkup yang sudah tekad di hatinya untuk menjadikan Awang Nangkat sebagai suami kepada anaknya Dayang Buncu. Tindakan watak ini memperlihatkan perjodohan itu penting. Perjodohan menjamin masa depan anaknya Dayang Buncu kerana bakal suaminya yang ditentukan ibunya, Dayang Sanarungkup adalah seorang yang termasyhur. Ini membawa makna tersirat bahawa perjodohan secara tidak langsung menjamin masa depan kewujudan puak Dusun. Kesatuan itu dirancang dan diusahakan sehingga terlaksana. Tekad hasrat yang keras juga menggambarkan tentang kepentingan kekeluargaan menjamin ketahanan wujudnya puak Dusun di Brunei.

Kesatuan atau *unity* boleh diwujudkan melalui tradisi perjodohan atau ikatan perkahwinan yang dirancang. Hidup berpasangan adalah fitrah kehidupan. Lelaki dan perempuan bersatu menjadi suami dan isteri, seterusnya terbinanya unit keluarga. Membina sebuah keluarga bukannya mudah dan memerlukan persediaan yang betul-betul meyakinkan jaminan kebahagiaan kehidupan bersama. Oleh yang demikian, masyarakat Dusun mengambil berat tentang pemilihan jodoh. Pemilihan jodoh yang bukan terletak bebas di tangan pasangan. Pemilihan jodoh adalah diatur dan hasil keputusan daripada ibu bapa dan ahli keluarga kerana pilihan mereka adalah yang terbaik. Perpaduan penting bermula dari rumah yakni keluarga. Tanpa perpaduan sukar untuk mendapatkan keharmonian.

Hal ini tergambar dalam *siram* "Awang Nangkat Isi Laut". Ibu kepada Dayang Buncu, Dayang Sanarungkup membuat keputusan untuk menjodohkan anaknya Dayang Buncu dengan Awang Nangkat. Perkhabaran tentang kebaikan Awang Nangkat dan negeri kepunyaannya menjadi tarikan Dayang Sanarungkup. Tarikan yang membawa makna jaminan kerana Awang Nangkat ini seorang pemimpin. Ciri-ciri keperibadian Awang Nangkat ini meyakinkan Dayang Sanarungkup tentang masa depan kehidupan anaknya terjamin kebahagiaannya,

Kongor tah tih Dayang Sanarungkup kongor berito. Berito Awang Nangkat Jelama Moncoi. Iyo noh nyu nakod anak oh Dayang Buncu. Nyu oh nakoh nganoh. Awang ih Nangkat jelama Moncoi.

Keputusan adalah muktamad. Pilihan dan kemahuan untuk menjadikan Awang Nangkat menjadi suami kepada Dayang Buncu tidak lagi diubah. Keputusan pemilihan jodoh ini diikat teguh dengan 'sumpahan' Dayang Sanarungkup,

Andih yo ngakuh kalau ngenganoh lama lain, sumpahan oh, Mun andih Yawang Nangkat. Iyo noh ni lapon oh nak niwan oh Yawang Nangkat. Iyo lama kebilang, ta Yawang Nangkat tih.

Kenyataan di atas memperlihatkan kekentalan tekad. Tekad untuk merealisasikan perkahwinan itu akan berlaku atas dasar pilihan jodohnya. Kekentalan tekad ini menandakan bahawa hanya cara ini kewujudan puak Dusun mampu berkekalan. Ini dijamin dan dipastikan oleh orang tua-tua mereka terdahulu yang berpesan melalui *siram*.

Menarik untuk perbincangan tentang aspek perjodohan ini dengan mengambil sebuah peristiwa sewaktu anjung Puteri Buncu berada di pusat air. Seketika menjelmannya Raja Jangkuyah menahan anjung mereka, dialog terjadi, Raja Angkayuh seolah-olah gentar mendengar penjelasan Puteri Dayang Buncu bakal isteri Awang Nangkat. Awang Nangkat memang terbilang tentang kegagahan, keberanian dan kehandalannya. Ini memperlihatkan tindakan dan keputusan Dayang Sanarungkup memilih dan berhasrat menjadikan Awang Nangkat menjadi suami Dayang Buncu adalah tepat dan terjamin.

Raja Angkuyu, isoi gat empuan anjung? Anjung Balai Amas kain Dayang Buncu Si Bukit Balai Amas. Li dombo niat kain oh, dombo hajat? Hajat li laut sebila adau kain oh. Ngan nakod nganoh Yawang ni Nangkat. Iyoh noh kajun noh ngan jumpi kabang oh kabang Dayang Buncu. Tambah noh tuah Dayang Buncu ni ta, nesuat aig jumpi Raja Angepuyu. Anjung tih boh lapas, punu balik noh kenduo. Mok alai no sedio noh, Jangepuyu tih. Soro pun lapas.

Sistem perkahwinan inilah yang diamalkan dalam masyarakat Dusun tradisional. Amalan ini dirakam dalam bentuk cerita lisan, *siram* sebagai bahan 'artifak'. Bukan sebagai bahan lapok yang sudah kaku mati. Akan tetapi, melalui bentuk cerita disampaikan budaya mereka itu dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Selain aspek perjodohan, juga disampaikan dalam *siram* ini tentang martabat (status) atau kedudukan wanita. Hal ini dapat dilihat secara tidak langsung dalam peristiwa penghantaran Dayang Buncu ke negeri Awang Nangkat. Penghantaran ini melibatkan beberapa hal termasuklah aspek keselamatan. Keselamatan yang dimaksudkan ialah kepada bakal pengantin perempuan iaitu Dayang Buncu. Sudah menjadi tanggungjawab sanak saudara untuk mengiring Dayang Buncu berangkat tetapi semuanya merasa takut dan tidak berani untuk berhadapan dengan pusat air yang dikhabarkan memiliki penunggu.

Sdah atih, Dayang Buncu tih, manau ta, mun sndiri dombo siou. Iyoh noh yo perumoh. Rumoh muyun kata ku nu balai emas, ni laut sebila adau. Muyun suang seganak incan. Iyoh noh soro tih kemaie, kn andih ngerumoh, melakak ni.

Rancangan untuk berangkat menghantar Dayang Buncu tidak boleh dibatalkan. Usaha untuk mencari jalan pilihan lain segera dilakukan. Pembatalan bermakna memalukan. Akhirnya, Awang Kabuncuan tampil untuk menyelesaikan dan menyelamatkan keadaan. Awang Kabuncuan menyedari tentang dirinya sebagai waris punggur Amas adalah menjadi tanggungjawabnya untuk melindungi *dangansananya* apatah lagi mereka itu golongan wanita. Tindakan ini berhubung kait dengan kedudukan wanita, keselamatan mereka merupakan *priority* Awang Kabuncuan dalam menyatupadukan di antara peranan lelaki terhadap golongan wanita. Ini menambah eratnya lagi kesatuan kekeluargaan dengan sikap pepaduan dan tidak camah mata.

Kemudian, perbuatan Awang Kabuncuan mengangkat Dayang Buncu. Awang Kabuncuan mengangkat Dayang Buncu di sebelah kanannya dan seorang lagi sebelah kirinya lalu menghantar mereka ke lanting dan masuk ke anjung dianggap sebagai tanggungjawab yang diperlihatkan seorang lelaki terhadap wanita yang perlu dilindungi.

Pongoh sudah Balai Amas anjung muyun, kain oh manau na muyun. Iyo noh soro nanau. Endawu, bedudul ni noh. Dayang Buncu tih bekimbing kain oh tunggal kibang tunggal kawan ni Awang Kabuncuan, nudul ni batang lanting. Nakod luang anjung.

Sebenarnya, Awang Kabuncuan menaruh hati kepada Dayang Buncu. Kekecewaan memang ada dalam dirinya setelah mengetahui Dayang Buncu dijodohkan dengan Awang Nangkat. Awang Kabuncuan tidak menyangka hal ini akan terjadi dan seharusnya dialah yang dijadikan suami kepada Dayang Buncu. Sebaliknya, Dayang Sanarangkup ibu kepada Dayang Buncu membuat keputusan pemilihan kepada Awang Nangkat Jin Laut sebelah hari yang terkenal.

Dah na kajun, Unu lagih Awang Kabuncuan tih kamah, kongor ih ceta ina oh tih kemaie Dayang Senerangkop, kaluh-kaluh ni Awang Kabuncuan. Sampai ni kawan soro ina. Andih tagal lapon nganoh, ain kal onjop lama ngalap. Lama ngalap sudah aro sino kajun, Awang Kabuncuan si punggur tih.

Walaupun dalam kekecewaan, Awang Kabuncuan tidak mengikut rasa hati. Awang Kabuncuan sanggup juga membantu penghantaran Dayang Buncu ke negeri Awang Nangkat. Tindakan ini juga boleh dikatakan sebagai penghormatan seorang lelaki yang tahu menilai mana yang baik dan mana yang buruk. Keselamatan Dayang Buncu harus diutamakan. Perbuatan ini juga dianggap sebagai mewujudkan dan menjaga perpaduan kekeluargaan.

Keputusan Dayang Sanarangkup adalah muktamad. Awang Kabuncuan harus menerimanya dengan menghormati keputusan *dangansanak*. Membantah bererti membuka keretakan dalam perpaduan. Lebih buruk lagi apabila melibatkan tindakan perlakuan dan rasa kecewa melahirkan unsur dendam dan berlakunya provokasi untuk melerainya ikatan kesatuan dan pecahnya perpaduan. Natijahnya, permusuhan dalam kalangan *dangansanak*.

Oleh yang demikian, dalam mengekalkan, melindungi dan memelihara perpaduan dalam kalangan puak Dusun di Brunei perjodohan itu penting. Langkah bijak ini dapat dilaksanakan dengan terkawal. Sungguhpun berlakunya fitrah manusia sang lelaki menyukai sang perempuan namun ketidak sampaian bukan dijadikan alasan untuk menggugat perpaduan dalam kalangan mereka.

Keharmonian

Kebijaksanaan mampu mewujudkan kesejahteraan. Tindakan tidak secara terburu-buru. Tindakan sebegini menjamin situasi yang akan berlaku. Berbeza dengan tindakan yang mendepankan kepentingan diri dan nafsu. Dalam hal ini kebijaksanaan terkandung dalam tindakan yang dilakukan Dang Sanarungkup berkaitan perjodohan. Perjodohan berkait rapat dengan mewujudkan kesejahteraan hidup dalam kalangan puak Dusun. Kepercayaan dan keyakinan usaha untuk mengekalkan kewujudan puak Dusun tergantung pada perjodohan. Perjodohan yang menjamin kehidupan setiap pasangan mencapai dan menikmati kesejahteraan dan kerukunan rumahtangga. Ini yang dihasratkan puak Dusun yang tergambar dalam cerita *siram* “Awang Nangkat Isi Laut”. Ini tunjuk ajar, panduan, bimbingan yang harus diikuti dan diamalkan malah perjodohan diamalkan disahihkan oleh cerita *siram* ini yang diperlaku oleh tokoh-tokoh keturunan *Derato*. Secara tidak langsung harus dipatuhi.

Tindakan Awang Kabuncuan yang tidak menaruh dendam merupakan suatu sifat yang bijaksana. Bijak dalam memikirkan tentang pentingnya kesatuan dan perpaduan keluarga. Tidak menjadikan alasan kecewa sehingga menaruh dendam terhadap keluarganya. Awang Kabuncuan turut menyedari tentang pentingnya hubungan kekeluargaan menjadi keutamaan bagi mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan keluarganya. Sungguhpun pada realiti kehidupan sukar untuk melakukan dalam situasi emosi sedemikian, Awang Kabuncuan mampu dan sanggup memberikan pertolongan. Awang Kabuncuan menyedari bakal yang dihadapinya. Pengakuannya untuk membantu penghantaran Dayang Buncu harus dilaksanakan demi kesatuan, kesejahteraan dan hubungan kekeluargaan. Justeru, Awang Kabuncuan bertindak dengan bijaksana untuk melakukannya bukan terburu-buru atau ‘turun-turun ayam’. Awang Kabuncuan mempersiapkan rombongan yang diketuai oleh Kekimu Moncoi sebelum berangkat dengan bata-bataan tertentu (pengeras) sebagai bekal-bekalannya dalam perjalanan nanti. Permintaan bekal-bekalan (pengeras) sudah tersedia, barulah mula untuk bergerak.

I a mau babata. “Mau ku mendangani Balai Amas, asal sediakan bata (sesuatu seperti pengeras / pesembah)”, katanya (Amas Kekimu Moncoi). Awang Kabuncuan babata sudah ya, mambuat sekapur, batang gulung (sigup kabun), sebagai pengasih barangkali, penunduk kasih, untuk melintas pusat air.

Keselamatan Dayang Buncu harus dijaga dalam masa yang sama menjaga keselamatan orang lain umpamanya dangansanaknya. Awang Kabuncuan mempersiagiakan kesemuanya terlebih dahulu dengan mengukur dirinya sejauh mana kemampuannya untuk menyelamatkan orang yang hendak dibantunya. Orang yang akan diiringi dangansanaknya amat penting kerana nilai kewujudan puak Dusun tergantung kepada bantuan Awang Kabuncuan. Semua ini memperlihatkan hubungan yang akrab dan penuh koperasi tepat sekali menjanjikan kesejahteraan hidup dalam berdangsanak.

Peristiwa yang berlaku sewaktu berada di pusat air juga menarik dalam hubungannya dengan nilai harmoni. Pusat air amat ditakuti dan terkenal dengan gangguan dan tindakan penunggunya Raja Angkayuh. Raja Angkayuh memiliki badan dan sepit yang besar, bentuk fizikalnya saja menggerunkan.

Hubungan Kerjasama (Saling Faham Memahami)

Membentuk kesatuan bukanlah sesuatu pelaksanaan yang mudah. Pencapaiannya untuk mendapatkan kesejahteraan. Bersatu tidak akan bermakna tanpa adanya suasana harmoni, aman damai, sentosa dan sejahtera. Dalam menyatupadukan sebuah kumpulan atau masyarakat memerlukan hubungan saling faham memahami barulah mencapai dan menikmati kesejahteraan hidup. Tolak ke kanan dan tolak ke kiri ketiga-tiga aspek ini sangat berkaitan di antara satu dengan lain. Ketiga-tiganya terikat.

Hubungan dalam kalangan kumpulan atau masyarakat terdedah dengan ketidaksamaan fikiran, tindakan, rasa dan sebagainya. Namun, tidak mustahil berlaku kesamarataan dengan usaha yang sesuai dan tepat. Dasarnya hubungan dalam sesama kumpulan atau masyarakat ini ialah interaksi sosial. Interaksi sosial yang diwujudkan melalui kesatuan. Kesatuan pula boleh saja unit keluarga. Dalam unit keluarga itu terkumpulnya individu dan berinteraksi atau berhubung. Justeru, hubungan saling faham memahami nampak kepentingannya.

Siram “Awang Nangkat Isi Laut” ini tidak terkecuali adanya gambaran saling faham memahami dalam perhubungan berlaku. Sebagai contoh, dilihat dalam peristiwa Awang Kabuncuan lagi sewaktu membantu menghantar Puteri Dayang Buncu ke negeri Awang Nangkat. Tindakannya untuk mengakui untuk melakukannya iaitu dengan cara memberikan bata-bataan sebenarnya memperlihatkan adanya aspek perhubungan tersebut. Awang Kabuncuan memahami situasi yang berlaku dalam cerita ini. Menyedari hakikat pentingnya hubungan kekeluargaan atau persanakan itu Awang Kabuncuan harus berkoperasi dengan mereka. Hubungan koperasi ini yang secara tidak langsung membina kesatuan dan perpaduan ahli keluarga dan melalui ini juga mewujudkan suasana kehidupan sejahtera dan sebagai benteng pertahanan yang akhirnya melindungi kedudukan atau kewujudan sebuah kumpulan, masyarakat, puak, dan bangsa. Awang Kabuncuan harus mengetepikan keinginannya untuk memiliki Puteri Dayang Buncu, tidak melayan atau membiarkan rasa kekecewaan menghantui dirinya, dan mematikan unsur dendam bagi memenuhi kepuasannya.

Tindakan Awang Kabuncuan memang betul dan tepat. Tanggungjawab dan peranannya dalam ahli keluarga diutamakan. Sekiranya Awang Kabuncuan menaruh dendam nescaya hubungan kekeluargaan jelas retak kerana mungkin saja Awang Kabuncuan menolak untuk membantu permintaan saudaranya untuk memberikan bata-bataan untuk menghantar perempuan yang diinginkannya untuk berkahwin dengan orang lain. Sebaliknya, kekentalan hati perasaan Awang Kabuncuan harus dipuji dan dihormati. Tindakannya ini mengelakkan keruntuhan perpaduan dalam kalangan mereka. Jika berlaku sebaliknya mungkin saja mereka akan berpecah belah dan meninggalkan dendam yang berterusan dan ini yang sebenarnya mahu dielakkan dalam menjamin kewujudan kesinambungan puak Dusun.

RUMUSAN

Puak Dusun di Brunei merupakan salah sebuah puak yang tergolong sebagai Bangsa Melayu. Kewujudan puak Dusun di Brunei terkandung dalam taraf kebangsaan di Negara Brunei Darussalam. Puak Dusun di Brunei juga merupakan penduduk ketiga yang ramai mendiami di Brunei. Kewujudan dan ketahanan puak Dusun di Brunei ini berhubungkait dengan pengamalan yang mereka warisi secara turun temurun dan sebagai buktinya melihat pada sumber tradisi lisannya iaitu *siram*. Sungguhpun *siram* merupakan berbentuk cerita lipur lara namun watak-wataknya melibatkan *derato* yang mereka percaya sebagai tuhan/dewa-dewi/orang kayangan. Oleh sebab itu, puak Dusun di Brunei masih ada kepercayaan terhadap peristiwa dan latar yang diceritakan dalam *siram*. Berdasarkan pendekatan *dangansanak* atau kekeluargaan yang melihat perlunya ada prinsip kesatuan atau perpaduan, keharmonian, dan hubungan kerjasama (saling faham memahami) ternyata dapat dikemukakan dan diperlihatkan dalam *siram* “Awang Nangkat Isi Laut”.

RUJUKAN

- Chong Ah Fok. (1984). "Tamarok: Suatu Pengenalan". Jurnal *Beriga*. No.2 (Januari-Mac): 22-27.
- Chong Ah Fok (1996). "Institusi Keluarga Puak Dusun". Jurnal *Beriga*. No.53 (Oktober-Disember): 63-72.
- Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. (2018). Basiram: Warisan Masyarakat Brunei, *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Kali ke-2*. Universiti Brunei Darussalam.
- Kembaren, M. M., Nasution, A. A., & Lubis, M. H. (2020). Cerita rakyat Melayu sumatra utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1 - 12
- Magil Lasak. (1989/1990). "Siram". Latihan Ilmiah. Gadong: Universiti Brunei Darussalam.
- Maslin bin Haji Jukim. (2014). "*Patuturan: Jati Diri dan Akar Budaya Kebruneian*". Disertasi Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. (2018). Basiram: Warisan Masyarakat Brunei, *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Kali ke-2*. Universiti Brunei Darussalam.
- Muhammad Hadi Abdullah. (1989). 'Siram (Puisi Tradisional Masyarakat Dusun). Jurnal *Beriga* 25:66-81. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Nohairunissa Radhiah binti Haji Bini dan Maslin bin Haji Jukim. (2022). dalam A. Halim Ali & Mardiah Mawar Kembaren (peny.). *Bingkisan Sastera Melayu Nusantara*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Pudarno Binchin. (2014) *Singing Siram Ditaan: composition, performance, transmission of epic tale in Brunei Dusun Society*. Borneo Research Council Monograph series no. 14.
- Pudarno Binchin.. (2016). *Budaya Masyarakat Dusun Imbasan Kembali*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei.
- Pudarno Binchin.. (2017). *Masyarakat Dusun dan Tamarok*. Brunei: Jabatan Muzium-Muzium.
- Pudarno Binchin.. (2002). 'Siram Ditaan: The performance of epic tales of derato in Brunei Dusun Society'. Tesis Sarjana. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Samreen Sagheer. "Kinship: Meaning, Types, Degree, Importance, Descent," lineage<https://www.sociologygroup.com/kinship-meaning-types/> (7 April 2022)
- Undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961*.
- Victor T. King. (2016), "Sosiologi Persanakan" http://journalarticle.ukm.my/2016/1/J.Terjemahan_21Dis201008.pdf dimuat turun pada 27 Mei 2023.